

**PENYERAGAMAN FATWA BERHUBUNG ISU-ISU WAKAF DI MALAYSIA:  
SATU SOROTAN AWAL**

**STANDARDISATION OF FATWA REGARDING WAQF ISSUES IN  
MALAYSIA: A LITERATURE REVIEW**

Muhammad Fathullah al-Haq bin Muhammad Asni<sup>i</sup> Jasni bin Sulong<sup>ii</sup>

<sup>i</sup> Calon Sarjana, Bahagian Pengajian Islam, Pusat Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia.  
E-Mail: [fathasni90@gmail.com](mailto:fathasni90@gmail.com)

<sup>ii</sup> Professor Madya Dr., Bahagian Pengajian Islam, Universiti Sains Malaysia.  
E-Mail: [jasni@usm.my](mailto:jasni@usm.my)

<b>Abstrak</b>	<b>Abstract</b>
<p><i>Wakaf adalah merupakan sebahagian antara bidang dalam perundangan Islam yang berkaitan dengan hal ehwal ekonomi umat Islam. Pensiyyatan wakaf adalah berasal daripada hadith Ibnu Umar di mana Rasulullah SAW memerintahkan supaya ditahan asal harta dan disedekahkan hasilnya. Hadith ini menghasilkan dua elemen dalam harta wakaf iaitu harta yang kekal dan manfaat yang boleh dinikmati daripadanya. Berasaskan hadith ini, perkembangan fekah mengenai wakaf telah berkembang dengan pesat yang bukan sahaja melibatkan harta tak alih tetapi kini meluas sehingga melibatkan harta alih. Antara isu yang biasa dibincangkan berkaitan dengan fekah dan fatwa wakaf ialah keharusan istibdal harta wakaf, wakaf dengan harta alih, wakaf dengan wang tunai dan wakaf yang dilakukan untuk sementara waktu (mu'qqat) seperti yang melibatkan hartanah lease-hold. Bertitik tolak daripada perbahasan-perbahasan ini, terdapat pelbagai pandangan di kalangan mufti mengenai isu-isu wakaf sehingga menimbulkan pelbagai pandangan untuk digubal dalam undang-undang mengenai harta wakaf. Ini kerana dalam pentadbiran dan pengurusan, hanya satu pandangan yang dipilih untuk dimasukkan sebagai pandangan yang diterimapakai untuk</i></p>	<p><i>Waqf is a part of the field in Islamic jurisprudence related to economic affairs of Muslims. It is derived from hadith of Ibn Umar that Prophet Muhammad (pbuh) ordered to invest the original property, or waqf, and profits generated will be distributed in the form of donation. In other words, this hadith consists of two components whereby the waqf will remain permanent and used only for investment, and profits generated will be used for the benefits of others. Based on this hadith, fiqh development of the waqf has grown rapidly, which not only involves immovable property but are now more beginning to involve movable property. Issues related to fiqh and waqf fatwa commonly discussed include permissibility of istibdal waqf property, waqf of movable property, cash waqf and temporary waqf (mu'qqat) such as those involving real estate lease-holds. With regards to these issues, different opinions on the permissibility of such waqf have emerged and questions arise in the enactment of legislation about waqf property. This is because from the perspective of governance, to ensure that the enforcement of waqf laws are consistent throughout the countries, there is a need to draw out a set of clear guidelines to be followed despite a wide range of different opinions. Based on these</i></p>

<p>pelaksanaan bagi memastikan pentadbiran undang-undang dilaksanakan dengan teratur dan konsisten. Berasaskan kepelbagaian pandangan ini, kajian akan dilakukan dalam situasi di Malaysia bagi menyelidik kedudukan perbezaan pandangan fuqaha' dalam hal ehwal wakaf, penyeragaman pandangan dan fatwa, serta pelaksanaannya di Malaysia. Penyelidikan ini akan dilakukan secara kualitatif dengan merujuk kepada perbincangan kitab-kitab fekah, peruntukan undang-undang dan pekeliling yang berkaitan dengan undang-undang pentadbiran harta wakaf. Oleh itu, penyelidik akan menyelidik isu-isu yang menyebabkan berlakunya perbezaan pandangan tersebut dan kaedah untuk mengharmonikan fatwa wakaf ini dengan mengenal pasti pendapat yang paling kuat dari sudut dalil dan masalah (rajih). Ini bagi memastikan pandangan yang dipilih untuk fatwa dan penggubalan undang-undang menjadi kuat dan kukuh, seragam antara semua negeri dan dapat diterima oleh semua pihak.</p> <p>Kata kunci: wakaf, khilaf, fatwa, penyeragaman, undang-undang.</p>	<p>questions, a study will be conducted in Malaysia to investigate the situation of fiqh differences concerning waqf, the possibility of generating one standardised guideline among all states regarding waqf and fatwas, and its implementation in Malaysia. This research will be conducted qualitatively by referencing the debates in the books of fiqh, legal provisions and circulars related to administrative law of waqf property. The study will investigate the issues that have resulted in different views concerning waqf and methods to harmonise these waqf fatwa by finding an appropriate middle way (rajih). This is to ensure that the views underpinning the legislation of fatwa and legislation will be justifiable, uniform among all states and acceptable to all parties.</p> <p>Keywords: endowments, khilaf, fatwa, standardisation, law.</p>
--	--

## PENDAHULUAN

Perbincangan mengenai wakaf semakin menarik pada akhir-akhir ini apabila melibatkan konsep yang semakin bersifat dinamik dan pelbagai. Jika dahulu, kita sering mendengar isu-isu wakaf dalam konteks harta yang beku dan jumud, tetapi kini tidak lagi apabila beberapa konsep harta telah dikembangkan dan diperbaharui menjadi harta wakaf yang berdaya saing untuk tujuan penjana kewangan dan pengurusan. Walau bagaimanapun, perkembangan ini tidak dapat lari daripada isu perbezaan pandangan dalam kalangan fuqaha', khususnya berhubung proses pentadbiran dan pengurusan harta wakaf. Perbezaan ini secara tidak langsung telah menimbulkan konflik dalam pentadbiran harta wakaf dan memerlukan penyelesaian yang terbaik demi *masalah* umat Islam.

### Konsep Harta Wakaf

Wakaf bermaksud menahan sesuatu aset atau harta yang sah milik dan bersedekah manfaatnya ke jalan kebajikan. Manakala harta wakaf secara umumnya adalah merupakan satu bentuk harta yang telah dihentikan pemilikannya daripada manusia dan diserahkan hak milik kepada Allah SWT.

Oleh kerana harta wakaf adalah harta yang dipindahkan sebagai milik Allah SWT, maka semua hamba Allah yang beriman dengan-Nya adalah berhak untuk mengambil manfaat daripada harta tersebut sebagai benefisiari harta wakaf. Serentak dengan itu, manusia tiada lagi mempunyai kuasa kawalan ke atas harta wakaf sama ada untuk melakukan jual beli, wasiat, pusaka atau hadiah. Justeru, harta ini kekal selama-lamanya (*perpetuity*) menjadi hak milik Allah SWT sebagai objek wakaf (*marwquf*). Dalam hal ini, fuqaha' memfatwakan bahawa sesuatu harta wakaf tidak boleh berubah agar dapat memberi manfaat yang berterusan ( دوام ) (الإنتفاع به kepada semua umat Islam (Wahbah al-Zuhayli, 1997).

Konteks manfaat ini dinisbahkan sebagai satu bentuk sedekah yang berterusan daripada seseorang mukallaf melalui harta yang dimiliki sebelum ini. Kedudukan sedekah ini dapat difahami menerusi hadith Rasulullah SAW yang berbunyi (Muslim, 2006):

إذا مات ابن آدم انقطع عمله إلا من ثلاث : صدقة جارية , أو علم ينتفع به من بعده , أو ولد صالح يدعو له

Maksud: "Apabila mati seorang anak Adam maka akan terputuslah segala amalannya melainkan pada tiga perkara, iaitu sedekah jariah, ilmu yang bermanfaat dan anak yang soleh yang mendoakannya."

Justeru, kekalnya sesuatu harta wakaf dengan lebih lama akan mengekalkan penjana pahala sedekah (*jariah*) kepada pewakaf dalam tempoh yang panjang (Abu Zahrah, 1971). Berdasarkan konsep inilah, para fuqaha telah mensyaratkan elemen kekal pada bentuk harta wakaf supaya manfaat yang mengikutinya turut kekal sebagaimana kaedah fekah "*al-tabi' matbu*" (al-Suyuti, 1996), iaitu sesuatu yang mengikut adalah sama pada sifat yang diikuti.

Kedudukan dan peranan harta wakaf dalam sejarah perundangan Islam telah berkembang dengan baik di mana ia muncul sebagai satu bentuk harta awam yang dapat memberi manfaat kepada ramai umat Islam. Harta ini bukan hanya berkembang dalam bentuk institusi ibadat dan sosial seperti fungsi masjid, malah harta wakaf pada zaman awal Islam juga berkembang dalam bentuk institusi ilmu dan ekonomi. Beberapa pusat pendidikan dan hospital juga telah ditubuh berasaskan dana wakaf (Gerhard Böwering, Patricia Cron, Mahan Mirza, et.all., 2013) dan kelangsungannya ditampung dengan hasil perolehan daripada pengurusan harta wakaf ini oleh para pengurus harta wakaf (*mutawalli*). Begitu juga dalam perkembangan ekonomi, harta wakaf dapat menjamin kebajikan umat Islam disempurnakan dengan baik, melalui pengurusan yang cekap daripada perolehan yang dijana sepanjang masa (John L. Esposito, 1988).

### **Fatwa dan Perbezaan Pandangan Fuqaha' Berhubung Harta Wakaf**

Dalam pelaksanaan wakaf dalam dunia Islam, terdapat beberapa perbezaan pandangan dalam kalangan fuqaha'. Perbezaan ini dipengaruhi oleh latar

belakang mazhab, negara dan budaya umat Islam dalam dunia Islam umumnya. Perbezaan ini memberi implikasi yang berbeza ke atas pentadbiran undang-undang mengenai harta wakaf di mana keputusan yang diterimapakai adalah bergantung kepada fatwa semasa yang diputuskan setiap negara ini. Justeru, perbezaan fatwa akan menghasilkan perbezaan pentadbiran harta wakaf dalam sesebuah negara. Antara perbezaan fatwa dalam perkara wakaf adalah mengenai *istibdal* tanah wakaf, wakaf harta alih (*manqul*) dan wakaf yang bersifat sementara (*mu'qqat*). Perbezaan fatwa dalam kalangan fuqaha' ini terserlah sehingga pada suatu ketika menimbulkan konflik dan kepelbagaian keputusan untuk dilaksanakan dalam pentadbiran undang-undang berhubung wakaf. Turut berlaku sebuah negeri memutuskan fatwa yang berbeza dengan fatwa negeri yang lain di samping boleh menimbulkan kekeliruan kepada masyarakat.

### Fatwa berhubung *Istibdal* Wakaf

*Istibdal* wakaf atau wakaf gantian membawa maksud menukar atau menggantikan harta wakaf dengan harta yang lain melalui jualan, belian atau tukaran (*barter*), dengan tujuan untuk memastikan harta wakaf dapat terus memberi manfaat secara berkekalan (Salim Hani Mansur, t.th). Dalam fatwa mengenai *istibdal* wakaf, terdapat pandangan yang mengharuskan *istidbal* dan terdapat juga pandangan yang sebaliknya. Ini berpunca daripada pemahaman fuqaha' mengenai fungsi dan konsep asas pensyariaan harta wakaf, penikmatan manfaat daripada *corpus* harta dan kelangsungan amal jariah pewakaf asal.

Berdasarkan fatwa yang melarang *istibdal*, pendapat pertama terdiri daripada majoriti fuqaha' daripada Mazhab Maliki, Syafi'i, Hanbali dan pendapat terpilih dalam Mazhab Hanafi (Saleh bin 'Abd al-Sami', 1335H; al-Qurafi, 1994; al-Madani, 1994; Muhammad 'Alisy, 1989; al-Dusuqi, t.t.; al-Dimyati, t.t.; al-Ansari, 1418H; al-Nawawi, t.t.; al-Ramli, 1984; Ibn Qudamah, t.t.; al-Hijawi, t.t.; al-Mardawi, 1419H; Ibnu Muflih, 2003; al-Bahuti, 1996; Ibn 'Abidin, 2000). Fuqaha' ini berpendapat bahawa kaedah asal pada harta wakaf ialah ditegah daripada menjual sebarang harta wakaf. Malah, alasan *istibdal* ke atas harta wakaf bagi meraih *maslahah* yang lebih besar juga ditolak kerana konsep asal harta wakaf ialah tidak boleh dilakukan sebarang transaksi padanya (John L. Esposito, 1988). Berdasarkan hal ini, fatwa di Terengganu<sup>1</sup> dan Pulau Pinang<sup>2</sup> misalnya telah memutuskan untuk tidak membenarkan *istibdal* wakaf bagi tanah wakaf khas

<sup>1</sup>Status: Tidak diwartakan, Bertarikh: 15 May, 2001, lihat: <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/mendirikan-bangunan-tambahan-kelas-quran-dan-fardhu-ain-di-kawasan-perkuburan-dan-sura-0>

<sup>2</sup> Tajuk/Isu: Memindahkan tanah kubur di atas sebahagian lot 545 mk. 12 daerah barat daya bagi tujuan projek perumahan. Keputusan (Tarikh Keputusan: 1 Jan, 1970): Jawatankuasa Syariah bersetuju supaya perkara-perkara berikut dibawa ke mesyuarat Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang. <http://waqaf.org.my/wp/fatwa-negeri-pulau-pinang/>, lihat juga fatwa pada Mac 1995 yang bertajuk Perbindahan kubur Lot 584, Mukim 6, Jalan Baru, Seberang Perai, Tengah dalam Himpunan Keputusan Fatwa Negeri Pulau Pinang Tahun 1995-2004, cet. 2013, Pulau Pinang, Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang, hlm. 1 – 2, lihat juga fatwa pada Jun 1999, Ibid, 31

yang ada perkuburan dan tanah ini hendaklah digunakan bagi maksud dan tujuan itu sahaja. Selain itu, para fuqaha sepakat bahawa hukum asal membongkar atau memindahkan kubur tanpa ada sebarang tujuan adalah perbuatan yang dilarang kerana bertentangan dengan prinsip kehormatan terhadap manusia, kerana manusia akan kekal dihormati ketika hidup atau sesudah mati (Yusuf Qardhawi, 1995).

Manakala pandangan kedua yang terdiri daripada fuqaha' Mazhab Hanbali dalam satu riwayat berpandangan bahawa *istibdal* diharuskan atas alasan *maslahah*. Pandangan ini menyatakan bahawa hukum asal bagi menjual harta wakaf adalah haram, melainkan jika terdapat alasan *darurah* yang tidak dapat dielakkan (al-Maqdisi, t.t.; al-Hijawi, t.t.). Justeru apabila ia telah kehilangan fungsi dan manfaat, maka barulah boleh menjual harta wakaf tersebut dan membahagikan harga jualannya. Oleh itu, Fatwa Negeri Kelantan,<sup>3</sup> Wilayah Persekutuan,<sup>4</sup> Perak,<sup>5</sup> Selangor<sup>6</sup> Perlis, Kedah dan MJFK, memutuskan keharusan *istibdal* tapak kubur atas dasar *maslahah* (Wan Abd. Rahman Khudzri Bin Wan Abdullah, 2006; Mohd Afendi Mat Rani, 2010). Ini kerana tiada tegahan daripada syarak dalam pengambilan tanah yang melibatkan tanah kubur bagi tujuan membesarkan ban kampung kerana pembesaran itu adalah untuk *maslahah* umum masyarakat (Wan Abd. Rahman Khudzri Bin Wan Abdullah, 2006; Mohd Afendi Mat Rani, 2010; Afiffudin Mohammed Noor, Mohd Ridzuan Awang, 2013). Di samping itu, fatwa ini juga bersandarkan kepada pendapat daripada Mazhab Maliki yang membenarkan pemindahan tanah kubur dengan tiga syarat iaitu, tidak merosakkan mayat, tidak mencemarkan maruah si mayat dan perpindahan dilakukan kerana ada *maslahah* (al-Jaziri, 2003; Mahjudin, 1990). Di antara *maslahah* yang boleh diterima ialah seperti pembinaan masjid, sekolah, rumah sakit dan lain-lain di atas tanah kuburan tersebut (Mahjudin, 1990). Justeru, pengkaji menyokong pendapat membolehkan *istibdal* tanah perkuburan berdasarkan dalil-dalil daripada hadith iaitu disebutkan oleh Anas bin Malik r.a tentang kisah pembangunan Masjid Nabawi, beliau mengatakan,

إِنَّهُ أَمَرَ بِنَاءِ الْمَسْجِدِ، فَأَرْسَلَ إِلَى مَلَائِكَةِ بَنِي النَّجَّارِ فَجَاءُوا، فَقَالَ: «يَا بَنِي النَّجَّارِ تَأْمِنُونِي حَائِطُكُمْ هَذَا» فَقَالُوا لَا وَاللَّهِ، لَا نَطْلُبُ ثَمَنَهُ إِلَّا إِلَى اللَّهِ، قَالَ: كَانَتْ فِيهِ قُبُورُ الْمُشْرِكِينَ، فَأَمَرَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِقُبُورِ الْمُشْرِكِينَ فُنُبِّشَتْ

Maksudnya: “Nabi SAW memerintahkan untuk membina masjid. Baginda mengutus seseorang untuk menemui Bani Najjar dan bertanyakan berapa harga

<sup>3</sup> Temubual Bersama Mufti Kelantan, Dato' Haji Mohamad Shukri Bin Mohamad, Pada /2/2016, Jam 10.00 Pagi

<sup>4</sup> Temubual Bersama Mufti Wilayah Persekutuan Datuk Dr Zulkifli Bin Mohamad Dan Pegawai Istibat Wilayah Persekutuan Ustaz Abdul Jamil Bin Jaafar, Pada 1/11/2015, Jam 9.30 Pagi

<sup>5</sup> Temubual Bersama Setiausaha Ahli Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak dan Ketua Pegawai Fatwa, A.F. Ustaz Kamaruddin Bin Adam, Pada 23/12/2015, Jam 11.00 Pagi

<sup>6</sup> Temubual Bersama Setiausaha Ahli Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor dan Ketua Pegawai Fatwa, Ustaz Mat Jais bin Kamos, Pada 21/12/2015, Jam 10.00 Pagi

tanah tersebut. Masyarakat Bani Najjar mengatakan, “Demi Allah, kami tidak menginginkan wang sedikit pun dari tanah tersebut, selain Allah.” Anas mengatakan, “Di tanah tersebut terdapat kuburan orang musyrik, kemudian Nabi SAW memerintahkan untuk membongkar kuburan tersebut” (al-Bukhari, 1422H).

Hadith ini mengharuskan transaksi pada tanah-tanah perkuburan yang bertujuan untuk dihadiahkan atau dijual beli, boleh membongkar kubur untuk kemaslahatan umum seperti membina masjid.” (Ibn Hajar al-Asqolani, t.t). Keharusan *istibdal* juga berdasarkan *athar* daripada Jabir bin Abdillah r.a, yang menyatakan bahawa ayahnya adalah orang yang pertama mati syahid ketika Perang Uhud. Kemudian ayahnya dimakamkan bersama jenazah yang lain dalam satu liang. Jabir mengatakan, “Jiwaku tidak tenteram untuk meninggalkan beliau dan dikuburkan bersama yang lain dalam satu makam. Kemudian aku mengeluarkannya setelah berlalu enam bulan.” (Ibn Hajar al-Asqolani, t.t). Keputusan fatwa ini juga didapati selari dengan pendapat Abu Yusof dan Ibnu Taimiyyah (Ibnu Taimiyyah, 1987).

Bagaimanapun bagi wakaf tapak masjid atau surau, tidak dibenarkan tanah-tanah wakaf tersebut di*istibdalkan*. Sekiranya masjid diroboh atau dialihkan, maka tempat itu perlu dikosongkan serta tidak dibenarkan untuk membina bangunan lain. Hal ini berdasarkan kepada fatwa yang diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Terengganu (1990) yang berpendapat tapak asal yang dikosongkan itu hendaklah dipelihara dan dihormati sebagai tanah tapak masjid kerana ia tetap dihukumkan masjid.<sup>7</sup> Keputusan ini selari dengan pendapat Mazhab Hanafi, Maliki, Syafi’i dan satu riwayat dalam Mazhab Hanbali (al-Sarakhsi, 2000; al-Kasani, 1982; Muhammad ‘Alisy, 1989; al-‘Abdari, 1398H; al-Qurafi, 1994; al-Nawawi, t.t.; al-Dimyati, t.t.; al-Maqdisi, t.t.; al-Mardawi, 1419H; al-Hijawi, t.t.). Sekiranya sesebuah masjid runtuh atau kawasan tersebut tiada lagi jemaah, tapak tersebut tetap tidak boleh dipulangkan kepada pewakaf atau tidak boleh dijual (al-Syirbini, 1997). Demikian juga pendapat Ibnu ‘Abidin (2000), tidak boleh memindahkan masjid atau harta masjid ke masjid yang lain, sama ada masih ada orang solat di situ atau tidak.

Manakala menurut fatwa Negeri Kedah, tiada masalah untuk *istibdal* tanah wakaf yang didirikan surau atau masjid bagi tujuan pembinaan jalan atau tujuan awam lain yang tidak dapat dielakkan. Manakala bahagian tanah yang terlibat hendaklah diganti tanah lain dengan keluasan yang setaraf dengannya. Bangunan baru masjid dan surau pula mesti dibina di atas tapak yang diganti (Mohd Afendi Mat Rani, 2010; Afiffudin Mohammed Noor, Mohd Ridzuan Awang, 2013). Keputusan ini selari dengan pendapat Mazhab Hanbali dalam satu riwayat yang *rajih* iaitu harus *istibdal* tapak masjid kerana sebab-sebab tertentu seperti tidak boleh digunakan lagi, sempit serta tidak boleh lagi untuk meluaskannya atau kerana sebab-sebab *maslahah* yang lain (al-Maqdisi, t.t.; al-Mardawi, 1419H; al-

---

<sup>7</sup> Status: tidak diwartakan, bertarikh: 23 Dec, 1990, lihat: <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/peralihan-masjid-dari-tapak-asal-yang-diwakafkan-kepada-tapak-lain-0hj>

Hijawi, t.t.). Dalam keadaan ini, wajib mencari tapak masjid yang baru untuk dibina masjid bagi menggantikan yang lama (al-Maqdisi, t.t.; al-Bahuti, 1302H). Mereka juga berhujah dengan *qawl al-Sahabi* di mana Umar bin Khattab telah mengarahkan Sa'ad untuk memindahkan Masjid Kufah ke tempat lain. Tempat asal masjid tersebut telah dijadikan pasar bagi penduduk di Tammarin dan sebuah masjid baru telah dibina bagi menggantikan masjid yang lama. Menurut al-Maqdisi, ia disaksikan oleh para sahabat ketika itu dan tiada sesiapa di antara mereka yang membantahnya, justeru ia adalah ijmak (al-Maqdisi, t.t.).

Oleh itu, kesimpulannya adalah harus *istibdal* masjid. Hal ini kerana tiada dalil yang menegah, bahkan adanya *athar* yang mengharuskan memindahkan masjid jika terdapat *maslahah* tertentu seperti rosak atau runtuh. Jika dilihat daripada sudut tujuan wakaf, cara *istidlal* dapat mememanfaatkannya secara berterusan supaya tidak mensia-siakan harta wakaf daripada jumud. Bahkan memperbaharui binaan masjid juga adalah dibolehkan, hal ini berdasarkan hadith yang diriwayatkan oleh Aisyah bahawa Nabi SAW pernah bersabda, "Wahai Aisyah, kalaulah kerana kaummu (Quraisy) yang masih baru meninggalkan suasana *jahiliyyah (kufur)*, nescaya aku akan mengarahkan supaya diruntuhkan Kaabah dan dibina semula dengan memasukkan bahagian yang telah dikeluarkan oleh Quraisy dan merendahkan binaan (pintunya) di atas tanah, mengadakan baginya dua pintu, satu di bahagian timur dan satu lagi di bahagian barat, binaannya menurut asas yang dibina oleh Nabi Ibrahim a.s" (al-Bukhari, 1422H).

Justeru, fatwa yang membenarkan wakaf *istibdal* tapak masjid atau surau di atas faktor-faktor kemaslahatan umum seperti pembinaan Empangan Beris (Mohd Ridzuan Awang, 2013) adalah selari dengan tuntutan *maqasid al-syariah* iaitu dengan pembinaan empangan ini, ia boleh memelihara nyawa daripada menggunakan air yang tercemar dan mengelak kesan banjir yang besar serta mengurangkan bilangan kenderaan di atas jalan raya sekaligus dapat mengurangkan risiko kemalangan jalan raya.

### **Fatwa berhubung Wakaf Harta Alih (*manqul*) dan Harta Tak Alih (*'iqar*)**

Dalam isu wakaf harta alih (*manqul*) dan harta tak alih (*'iqar*), terdapat perbezaan fatwa mengenai bentuk wakaf dan juga bentuk akhir sesuatu harta wakaf. Fatwa di Selangor,<sup>8</sup> Kelantan<sup>9</sup> Pulau Pinang<sup>10</sup> dan Terengganu<sup>11</sup> cenderung untuk

<sup>8</sup> Lihat: <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/fatwa-pelaksanaan-wakaf-saham-dan-keuntungan-saham-di-kalangan-syarikat-korporat> (Diakses pada 8/6/2015)

<sup>9</sup> Mesyuarat Jemaah Ulama MAIK BIL 1/2013 yang bersidang pada 9 Jun 2013. Lihat: <http://www.e-maik.my/v2/index.php/perkhidmatan/baitulmal-dan-wakaf/pengurusan-wakaf.html>, Bil 1/2013 (Diakses pada 8/6/2015)

<sup>10</sup> Temubual Bersama Mufti dan Ketua Pegawai Hal Ehwal Islam Bahagian Fatwa Pulau Pinang, Y.Bhg. S.S. Dato' Dr. Haji Wan Salim bin Wan Mohd. Noor dan Ustaz Mohd Haniff Bin Omar, Pada 30/12/2015, Jam 9.30 Pagi

<sup>11</sup> Lihat: <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/pelaksanaan-wakaf-skim-tunai-terengganu> (Diakses pada 8/6/2015)

menerima dan mengekalkan bentuk akhir wakaf dalam aset kekal sahaja. Misalnya fatwa di Selangor ada menyatakan, saham-saham atau keuntungan saham syarikat yang hendak diwakafkan hendaklah ditukarkan nilainya kepada tunai terlebih dahulu. Kemudian akan diakaunkan ke dalam akaun wakaf asas di mana akaun ini akan digunakan untuk pembangunan aset kekal sahaja. Manakala di Negeri Sembilan,<sup>12</sup> Johor,<sup>13</sup> Perak<sup>14</sup> dan MJFK<sup>15</sup> mengharuskan kedudukan akhir wakaf dalam bentuk harta alih.

Jika dilihat daripada sudut hujah, kesemua fatwa yang telah diputuskan mengikut pendapat sebahagian daripada kalangan Mazhab Hanafi, Syafi'i dan Hanbali yang mengharuskan pelaksanaan wakaf tunai sekiranya ia bersifat kekal (*ta'bid*) (al-Jamal, 1386H; al-Hanafi, t.t.; Kamal al-Din, 1380H) (al-Syirbini, 1997; al-Syirazi, 1396H; al-Nawawi, 1423H; al-Mardawi, 1419H; al-Maqdisi, t.t.). Mereka mensyaratkan sesuatu harta itu hendaklah bersifat kekal untuk menjadikannya sah sebagai harta wakaf. Oleh itu, sekiranya wang daripada harta wakaf itu kekal dan boleh dimanfaatkan atau boleh digantikan sebagaimana nilainya yang asal apabila digunakan, atau pun wang wakaf itu dilaburkan sehingga boleh diinfakkan keuntungannya tanpa menjejaskan modalnya, maka tiada masalah. Ini kerana, wang tersebut dapat kekal nilainya dan memberi manfaat berterusan.

Oleh itu, diharuskan mengekalkan wakaf tunai dalam keadaan "tunai" sekiranya wang itu dapat dimanfaatkan dan dikekalkan nilainya. Malah, wakaf harta alih pernah berlaku pada zaman Nabi S.A.W iaitu baginda mengharuskan wakaf haiwan dan senjata (al-Bukhari, 1422; al-Nawawi, 1392). Keharusan dalam melakukan wakaf tunai adalah berpegang kepada konsep asal harta wakaf iaitu untuk kebajikan umum. Konsep ini bertepatan dengan kaedah fekah iaitu asal pada sesuatu itu adalah harus selagi mana tiada dalil yang menegah atau melarangnya (*al-aslu al-ibahah*) (al-Suyuti, 1996; Mustafa al-Zarqa', 1366H).

Fatwa negeri Selangor, Kelantan dan Terengganu yang mensyaratkan agar wakaf tunai hendaklah ditukarkan kepada bentuk aset kekal berhujah supaya ia memenuhi syarat kekal (*ta'bid*). Hal ini kerana majoriti fuqaha' Mazhab Syafi'i dan fuqaha' Mazhab Hanbali tidak membenarkan wakaf dinar dan dirham kerana sifat harta itu tidak kekal (al-Syirbini, 1997; al-Syirazi, 1396H; al-Mardawi, 1419H; al-Maqdisi, t.t.). Manakala badan fatwa semasa seperti *Majma' Fiqh Islami* menerima wakaf tunai sebagai harta wakaf. Di dalam resolusi yang ke-140, *Majma'* ini jelas menyatakan bahawa seandainya wakaf tunai itu dilaburkan dalam harta kekal

---

<sup>12</sup> ENAKMEN WAKAF (NEGERI SEMBILAN) 2005, Seksyen 11.

<sup>13</sup> Lihat: [http://www.maj.gov.my/?page\\_id=447](http://www.maj.gov.my/?page_id=447) dan <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-negeri/pelan-perindungan-takaful-wakaf> (Diakses pada 8/6/2015)

<sup>14</sup> Temubual Bersama Setiausaha Ahli Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak dan Ketua Pegawai Fatwa, A.F. Ustaz Kamaruddin Bin Adam, Pada 23/12/2015, Jam 11.00 Pagi

<sup>15</sup> Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-77 yang bersidang pada 10 - 12 April 2007. Lihat: <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/hukum-berkaitan-pembangunan-tanah-wakaf-di-bawah-rancangan-malaysia-ke-sembilan-rmk>. (Diakses pada 8/6/2015)



seperti melabur dalam sesuatu hartanah atau dijadikan modal bagi sektor pembinaan, maka aset yang dibeli atau dibina itu tidak akan dianggap sebagai harta wakaf, sebaliknya wang tunai tersebut yang dikira sebagai harta wakaf. Resolusi ini bertepatan dengan sebahagian pendapat fuqaha Mazhab Hanafi yang membenarkan waqaf tunai bagi tujuan pemberian hutang atau pelaburan (Nizom, 1400H).

Begitu juga bagi wakaf saham, penyelia wakaf (*nazir*) tidak boleh memperdagangkan saham tersebut kecuali jika disyaratkan oleh pewakaf sendiri kerana saham itu dikira sebagai harta wakaf (Fiqh Islami, 2009). Pihak nazir boleh mengambil langkah-langkah lain seperti menggunakan wakaf tunai bagi pemberian hutang (*qard*) (Malik bin Anas, 1994; Ibn Mustofa, 1997) atau melabur wakaf tunai secara *mudarabah* (Ibn al-Humam, 1380H). Berasaskan hal ini, Majlis Akademi Fiqh Islam Antarabangsa dalam resolusi yang ke-140 memutuskan bahawa perolehan sebahagian keuntungan hasil pelaburan wakaf tunai juga harus digunakan bagi tujuan pelaburan semula.<sup>16</sup>

Menurut Ibn Taimiyyah (1987), lebih keuntungan wakaf setelah diberikan kepada penerima manfaat wakaf dan menanggung kos penyelenggaraan masjid, boleh disalurkan kepada tujuan manfaat yang sama seperti pengimaran masjid lain dan lain-lain tujuan manfaat yang sama. Pendapat ini juga disokong oleh resolusi dari *Majma' Fiqh Islami* (2004) yang menyatakan, "adalah diharuskan untuk melaburkan lebih untung harta wakaf untuk digunakan bagi tujuan mengembangkan harta pokok wakaf ataupun meningkatkan keuntungan. Ini boleh dilakukan setelah manfaat wakaf itu diagihkan kepada penerima manfaat yang telah ditetapkan dan ditolak dari segala kos penyelenggaraan harta wakaf tersebut. Begitu juga harus untuk keuntungan wakaf yang dibahagikan kemudian untuk dilaburkan dalam pelaburan yang ditentukan".

Berdasarkan perbincangan di atas, adalah diharuskan bagi pewakaf untuk mensyaratkan bagi harta pokok wakaf, keuntungan dan lebih untung yang terhasil untuk disalurkan sebagai dana pelaburan demi pengurusan harta wakaf terbabit. Syarat tersebut adalah amanah yang perlu dipatuhi oleh pengurus harta wakaf sebagaimana kaedah fiqh yang berbunyi, "شرط الواقف كنص الشارع" yang bermaksud, "syarat pewakaf adalah seumpama nas dari Allah" (Ibnu Nujaim, 1999). Oleh itu, fatwa yang tidak mensyaratkan wakaf tunai ditukarkan kepada aset kekal tidak berlawanan dengan syarak, malah ia mendatangkan *maslahah* yang lebih besar dengan meluaskan kaedah pengekalan dan pengembangannya

---

<sup>16</sup>"Syarat pewakaf mesti dipatuhi jika mereka mensyaratkan agar sebahagian keuntungan dari pelaburan harta wakaf diguna sebagai pusingan modal (pelaburan semula) bagi mengembangkan harta asal wakaf. Syarat ini tidak dikira sebagai menyalahi syarat asas wakaf. Begitu juga mesti dipatuhi jika pewakaf mensyaratkan agar seluruh keuntungan diagihkan kepada penerima manfaat dan dengan ini tidak boleh diambil walau sedikit pun daripada keuntungan tersebut demi mengembangkan harta asal wakaf." Lihat: <http://www.fiqhacademy.org.sa/qyarat/15-6.htm>

serta sesuai dengan keperluan masyarakat semasa (Muhammad bin Ibrahim, 2009). Berbanding sekiranya diadakan syarat hanya menukarkan wakaf tunai kepada aset kekal, ia akan menjejaskan fungsi wakaf dalam memelihara *maqasid al-syariah*. Oleh itu, *masalah* yang lebih besar perlu diutamakan berbanding *masalah* yang kecil (Muhammad al-Wakili, 1997; al-Qaradhawi, 1996).

### Fatwa berhubung Tempoh Harta Wakaf

Terdapat dua fatwa berbeza sama ada mewajibkan harta wakaf bersifat kekal selama-lamanya (*muabbad*) atau mengharuskannya bertempoh (*muaqqat*). Misalnya dalam peruntukan di Negeri Kelantan, Enakmen memperuntukkan mengenai sifat “kekal” (*perpetuity*) bagi kedua-dua kategori harta wakaf seperti yang diperuntukkan dalam Seksyen 2 (1), Enakmen Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan 1994. Keputusan fatwa<sup>17</sup> dan Enakmen di Kelantan ini selari dengan pendapat Mazhab Hanafi, Syafi’i dan Hanbali iaitu mengharuskan menunaikan wakaf *manqul* atau *’iqar* sekiranya ia mempunyai sifat kekal (*ta’bid*) (Muhammad Amin ‘Abidin, 1386H; al-Hanafi, t.t.; Kamal al-Din, 1380H; al-Syirbini, 1997; al-Syirazi, 1396H; al-Nawawi, t.t.; al-Mardawi, 1419H; al-Maqdisi, t.t.). Walaupun fuqaha’ berbeza mengenai keharusan wakaf *manqul*, tetapi majoriti ulama mensyaratkan *ta’bid* dalam transaksi wakaf (Abu Bakr al-Khassaf, t.t.; al-Sarakhsi, 2000; Ibnu al-Humam, 1380H; Malik bin Anas, 1994; Muhammad al-Maghribi, 1423H).

Walau bagaimanapun, Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan (JFK) didapati turut mengiktiraf harta wakaf yang tidak mempunyai sifat kekal. Misalnya JFK pernah memutuskan bahawa melakukan wakaf dengan tanah hak milik terhad (*leasehold*) adalah sah dan diterima oleh syarak. Demikian juga pendirian Jabatan Fatwa Wilayah Persekutuan,<sup>18</sup> Perak,<sup>19</sup> Pulau Pinang,<sup>20</sup> Terengganu<sup>21</sup> dan Selangor.<sup>22</sup> Kelihatannya, fatwa ini selari dengan pendapat fuqaha’ Maliki. Justeru, berdasarkan peruntukan mengenai *leasehold* dalam Seksyen 76, Kanun Tanah Negara 1965 (KTN) dan Akta Pengambilan Tanah 1960, sekiranya tanah-tanah wakaf yang dikurniakan secara pajakan yang ditadbir di bawah MAIN terlibat dengan pengambilan dalam tempoh pajakan, maka status tanah berkenaan adalah

<sup>17</sup> Temubual Bersama Mufti Kelantan, Dato’ Haji Mohamad Shukri Bin Mohamad, Pada /2/2016, Jam 10.00 Pagi

<sup>18</sup> Temubual Bersama Mufti Wilayah Persekutuan, Y.Bhg. S.S. Datuk Dr. Zulkifli bin Mohamad Al-Bakri, 17/12/2015, Jam 9.30 Pagi

<sup>19</sup> Temubual Bersama Setiausaha Ahli Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak dan Ketua Pegawai Fatwa, A.F. Ustaz Kamaruddin Bin Adam, Pada 23/12/2015, Jam 11.00 Pagi

<sup>20</sup> Temubual Bersama Mufti dan Ketua Pegawai Hal Ehwal Islam Bahagian Fatwa Pulau Pinang, Y.Bhg. S.S. Dato’ Dr. Haji Wan Salim bin Wan Mohd. Noor dan Ustaz Mohd Haniff Bin Omar, Pada 30/12/2015, Jam 9.30 Pagi

<sup>21</sup> Temubual Bersama Mufti Dato’ Dr. Haji Zulkifly Bin Muda Negeri Terengganu, Pada 24/2/2016, Jam 10.00 Pagi

<sup>22</sup> Temubual Bersama Setiausaha Ahli Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor dan Ketua Pegawai Fatwa, Ustaz Mat Jais bin Kamos, Pada 21/12/2015, Jam 10.00 Pagi

turut berhak mendapat pampasan selagi tanah itu masih dalam tempoh pajakan (Akta Pengambilan Tanah 1960, Seksyen 2).

Di Malaysia, semua tanah adalah terletak di bawah kuasa KTN dan termasuklah dalam hal ini ialah tanah wakaf (Siti Mashitoh Mahamood, 2004). Namun, tempoh pajakan 99 tahun ini adalah bersalahan dengan prinsip kekal yang dikehendaki dalam wakaf (al-Syirbini, 1997). Justeru, Seksyen 76 KTN 1965 perlu dipinda dengan memasukkan satu peruntukan mengenai perkara wakaf di bawah Seksyen 76(aa)(iv) supaya tanah-tanah yang diberimilik oleh PBN (Pihak Berkuasa Negeri) dapat dianugerahkan secara kekal jika membabitkan harta wakaf (Siti Mashitoh Mahamood, 2004), terutamanya yang melibatkan wakaf masjid dan surau (al-Kasnawi, t.t.). Kerajaan mempunyai bidangkuasa dalam hal ini selaras dengan Seksyen 76 (a) KTN yang memperuntukkan bahawa “Kerajaan Negeri boleh memberi pemilikan tanah secara kekal jika pihak berkuasa negeri berpuas hati ia digunakan untuk kepentingan awam”. Manakala Seksyen 76 (aa) (iii) pula memperuntukkan, jika PBN (Pihak Berkuasa Negeri) berpuashati terdapat keadaan-keadaan khas yang sesuai, maka Kerajaan Negeri boleh memberi pemilikan tanah secara kekal. Mesyuarat Kajian/Perundingan Penerapan Nilai-Nilai Islam (1989) pernah mencadangkan supaya diperuntukkan seksyen kecil (1a) kepada Seksyen 76 dalam KTN dengan menambah pindaan iaitu, “(1a) Tanah milik masjid, madrasah dan lain-lain wakaf am hendaklah dikekalkan”.

### **Inisiatif Penyeragaman Fatwa mengenai Wakaf**

Berdasarkan perbincangan mengenai perbezaan fatwa-fatwa mengenai harta wakaf di atas, dapat difahami bahawa konflik akan berlaku sekiranya fatwa-fatwa ini tidak dapat diselaraskan antara Kerajaan Negeri dengan Kerajaan Negeri yang lain, atau dengan Kerajaan Persekutuan. Ini kerana ia akan mengakibatkan keputusan berbeza dalam pentadbiran agama sebuah negeri atau negara. Implikasi pelaksanaan keputusan yang tidak sama antara sebuah negeri dengan negeri yang lain ini boleh menimbulkan fitnah kepada kesaksamaan dan keadilan Islam, serta bersalahan dengan tadbir urus yang baik.

Dalam pentadbiran undang-undang Islam hari ini, pendekatan penyeragaman fatwa dikawal antara lain melalui pengawalan rujukan kepada pandangan mazhab. Di negeri-negeri selain Perlis, Jawatankuasa Fatwa Negeri diperuntukkan dengan peruntukan keutamaan untuk melakukan rujukan kepada Mazhab Syafi'i iaitu berdasarkan peruntukan *qawl mu'tamad* dalam Enakmen pentadbiran agama Islam setiap negeri. Misalnya peruntukan Enakmen Mufti dan Fatwa Negeri Kedah 2008, Seksyen 26 memperuntukkan bahawa dalam mempertimbangkan apa-apa fatwa di bawah Seksyen 21 atau memperakukan apa-apa pendapat di bawah Seksyen 25 Jawatankuasa Fatwa hendaklah, pada lazimnya mengikut *qawl muktamad* Mazhab Syafie berlandaskan al-Quran, Hadith, ijmak ulama dan qiyas. Melainkan jika Jawatankuasa Fatwa berpendapat bahawa dengan mengikut *qawl muktamad* Mazhab Syafie suatu keadaan yang berlawanan dengan kepentingan awam akan terhasil, maka Jawatankuasa Fatwa bolehlah

mengikuti *qawl muktamad* Mazhab Hanafi, Maliki atau Hambali setelah mendapat perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan. Demikian juga sekiranya Jawatankuasa Fatwa berpendapat bahawa tiada satu pun *qawl muktamad* daripada empat mazhab itu boleh diikuti tanpa membawa kepada keadaan yang berlawanan dengan kepentingan awam, maka fatwa itu bolehlah diputuskan mengikuti hemat jawatankuasa tanpa terikat dengan *qawl muktamad* daripada mana-mana mazhab yang empat itu.

Manakala Negeri Perlis mengawal keseragaman ini melalui rujukan kepada al-Quran dan al-Sunnah yang berdasarkan kepentingan awam atau *maslahat* semasa. Seksyen 7, Enakmen Undang-undang Pentadbiran Ugama Islam Perlis 1964 memperuntukkan:

(4) *The Majlis when issuing a Fetua and then Shara'iah Committee when giving its opinion under sub-section (2) shall follow the Al-Quran and or Sunnah Rasulal Allah Sallal Allah 'Allaihi Wasallam. Provided that where the following of such tenets would be opposed to public interes.*

Pendekatan Negeri Perlis ini membayangkan bahawa keputusan sesuatu fatwa mestilah melihat kepada kepentingan awam (*maslahah*) yang berubah-ubah mengikut suasana semasa (*waqi'iyah*) di samping rujukan teras kepada nas syarak. Apabila hubungkait ini dibina maka penyeragaman keputusan fatwa akan dapat dicapai pada satu-satu masa.

Maka jelas berdasarkan kedudukan peruntukan ini, rujukan hukum syarak dan tumpuan rujukan hukum adalah berdasarkan kepentingan awam atau *maslahat*. Kepentingan ini mesti selaras dengan *maqasid al-syar'iyah* yang dikehendaki oleh syarak, iaitu memastikan matlamat utama pelaksanaan sesuatu harta wakaf dapat dicapai. Justeru di samping rujukan pada dalil-dalil yang disandarkan oleh fuqaha', penekanan dan *tarjih* adalah pada *maslahat* dan *maqasid al-syar'iyah*. Ini kerana kemungkinan dalam sesuatu kes, pandangan daripada Mazhab Syafi'i adalah merupakan pandangan yang *marjuh* (tidak kukuh) dan pandangan mazhab lain lebih *rajih*. Justeru, al-Qaradawi menyarankan beberapa kaedah dalam memastikan penyeragaman fatwa semasa pada hari ini, iaitu (al-Qaradawi, 1988):

- 1) Membebaskan fatwa daripada ikatan mazhab, dengan memfokus kepada kekuatan dalil dan pandangan yang *rajih*.
- 2) Mudah dan jangan susahkan keputusan sesuatu fatwa. Sekiranya terdapat dua pandangan, satunya bersifat hati-hati dan kedua bersifat mudah, maka hendaklah memilih yang mudah.
- 3) Mengutamakan keperluan, kebajikan dan *maslahat* umum. Oleh kerana itu, setiap fatwa mesti mempunyai penjelasan, pencapaian *maslahat* dan justifikasi yang kukuh dan rasional untuk dicapai.
- 4) Menolak segala yang tidak bermanfaat dan mudarat kepada manusia.
- 5) Mengutamakan keputusan yang bersifat pertengahan (*i'tidal mutawassit*) yang tidak terlalu rigid dan tidak terlalu longgar.

Jelasnya, setiap fatwa hendaklah mencari *masalah* dan memenuhi *maqasid* selagi terdapat dalil yang kuat menyokongnya. Dalam penetapan ke arah keseragaman ini, pandangan majoriti perlu diutamakan di samping mengutamakan pandangan yang paling *rajih*. Justeru, pertimbangan terhadap *masalah* dan kepentingan umum ini akan mendorong kepada pengakhiran keputusan yang sama dalam kalangan fuqaha'. Kecenderungan ini selaras dengan kata-kata Ibn Mas'ud iaitu apa yang dipandang oleh sekumpulan orang Islam itu sebagai baik, maka di sisi Allah juga adalah baik (ما رآه المسلمون حسنا فهو عند الله حسن) (Ali Hasbullah, 1997).

Oleh itu untuk mencapai hasrat penyeragaman ini di Malaysia, beberapa inisiatif berikut hendaklah diambil oleh pihak yang berkepentingan di samping rujukan kepada *qawl muktamad* yang diperuntukkan dalam Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam, antaranya:

(a) Meneliti Praktis Rujukan *Qawl Muktamad* Mazhab Syafi'i

Rujukan kepada pandangan daripada Mazhab Syafi'i hendaklah dalam bentuk merealisasikan *masalah* dan mencapai *maqasid al-syar'iyah*, bukan terlalu rigid dan inklusif dengan pandangan dalam mazhab ini semata-mata. Oleh itu, peruntukan enakmen berkenaan hal ini perlu ditelusuri pada semua klausa (i), (ii) dan (iii) berhubung peruntukan *Qawl Muktamad* dalam Enakmen Negeri-negeri supaya ia benar-benar merealisasikan maksud *masalah* dalam perundangan. Sekiranya ini diamalkan, keputusan fatwa akan menjadi lebih eksklusif dan pada masa lain menjadi terarah kepada satu capaian keputusan yang tepat (*rajih*) berasaskan dalil-dalil syarak.

(b) Penggubalan Statut Wakaf di setiap negeri

Sehingga hari ini, statut khas mengenai wakaf hanya diperuntukkan oleh tiga buah negeri sahaja di Malaysia iaitu Selangor 1999 (No. 7),<sup>23</sup> Negeri Sembilan 2004 (No. 2)<sup>24</sup> dan Melaka 2005 (No. 5).<sup>25</sup> Melaka juga mempunyai Enakmen Tabung Amal Jariah Negeri Melaka 1994. Enakmen ini bertujuan untuk menerima apa-apa pemberian, derma, endowmen, hadiah atau bekues yang dibuat untuk atau bagi faedah Tabung. Ia juga untuk menggalak, mendorong, membantu dan mengusahakan kemajuan dan kesejahteraan ekonomi dan sosial masyarakat Islam dalam Negeri selaras dengan hukum syarak. Di samping itu, ia berfungsi bagi penyebaran dan memajukan agama Islam dalam Negeri Melaka, serta bagi menggalakkan lagi aktiviti-aktiviti yang berteraskan amal jariah. Penggubalan mengenai undang-undang bertulis yang khusus mengenai wakaf atau yang bersamaan dengannya ini adalah penting kerana ia akan dapat memasukkan segala fatwa dan ketetapan mengenai persoalan wakaf dalam bentuk peruntukan undang-undang yang seragam dan mempunyai kuasa perundangan. Justeru, ini

---

<sup>23</sup> Tarikh kuat kuasa 1 Julai 2004.

<sup>24</sup> Belum diberi tarikh kuat kuasa.

<sup>25</sup> Tarikh kuat kuasa 1 Ogos 2005.

akan dapat mengelak berlaku *khilaf* kerana hanya pandangan yang terpilih (*rajih*) sahaja yang akan dimasukkan untuk dikuatkuasakan.

- (c) Fatwa oleh Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan diterima oleh setiap Negeri  
Di negara ini, terdapat dua bentuk jawatankuasa fatwa iaitu Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan yang ditubuhkan di peringkat Persekutuan dan Jawatankuasa Fatwa/Hukum Syarak yang ditubuhkan di setiap negeri. Ahli bagi Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan adalah terdiri daripada semua mufti-mufti di peringkat negeri (e-Fatwa, 2015). Oleh itu, sewajarnya keputusan yang dicapai di peringkat Persekutuan merupakan hasil keputusan oleh wakil-wakil daripada setiap negeri. Keputusan yang dicapai secara kolektif oleh wakil negeri ini sewajarnya diterima dan diwartakan pula di negeri masing-masing supaya keselarasan fatwa dapat dicapai dan pentadbiran undang-undang Islam dapat dilaksanakan dengan seragam, konsisten dan saksama.
- (d) Pemantauan oleh Institusi Persekutuan dalam perkara Wakaf  
Selaras dengan kuasa Persekutuan yang diberikan oleh Perkara 74 dan 75 Perlembagaan Persekutuan, Persekutuan mempunyai kuasa untuk melakukan penyeragaman undang-undang antara Negeri dan Persekutuan. Berdasarkan kuasa ini juga, Persekutuan telah menubuhkan beberapa institusi atau Majlis Penasihat di peringkat Persekutuan seperti JAKIM, JKSM, LEPAL, JAWHAR dan Majlis Tanah Negara untuk meneliti dan memberi nasihat mengenai hal ehwal tertentu yang terletak di bawah kuasa Negeri (Siti Zalikhah, 2015). Justeru, semangat kerjasama antara badan-badan Negeri dan Persekutuan ini hendaklah terus dijalinan supaya pelaksanaan pentadbiran antara Negeri dan Persekutuan dapat diseragamkan sesuai dengan peruntukan undang-undang yang telah wujud. Malah keberadaan Majlis Raja-Raja di peringkat Persekutuan juga boleh memainkan peranan dalam mengetengahkan isu perbezaan fatwa antara negeri ini supaya dapat disampaikan kepada pengetahuan Tuanku al-Sultan negeri masing-masing selaku Ketua Agama Islam Negeri.

Semua inisiatif ini adalah merujuk kepada bidangkuasa dan kuasa kawalan yang dapat mengikat pihak-pihak berkuasa tempatan atau terbabit dalam mengeluarkan fatwa supaya ia dapat diselaraskan. Apabila semua pihak dapat patuh kepada garis panduan ini, ruang untuk berbeza pandangan akan dapat disempitkan dan hasilnya ialah keseragaman dalam fatwa.

## KESIMPULAN

Perbincangan menunjukkan kepentingan berlakunya penyeragaman dalam beberapa perkara yang menjadi perbezaan pandangan dalam kalangan fuqaha'. Penyeragaman fatwa akan memberi kesatuan pandangan dan keselarasan pelaksanaan. Ini akan menjadikan pentadbiran hal ehwal mengenai wakaf dapat dilaksanakan dengan adil dan saksama, serta memastikan kemaslahatan sumber

ekonomi dan kebajikan umat Islam berjalan lancar seiring dengan *maslahah* dan *maqasid syariah*. Justeru, Kerajaan perlu mengambil inisiatif sama ada di pihak Kerajaan Negeri atau Kerajaan Persekutuan dalam memastikan tindakan dilakukan ke arah penyeragaman pentadbiran terutamanya dalam proses pengeluaran fatwa.

Langkah pertama dalam tindakan ini ialah dengan mewujudkan undang-undang bertulis yang komprehensif bagi mengisi segala *lacuna* dalam perundangan wakaf yang boleh melahirkan ijihad berasingan. Kewujudan satu peruntukan dalam statut yang khusus dapat mengelak percambahan pemikiran dan fatwa antara negeri-negeri di negara ini dan seterusnya menghasilkan konsistensi dalam keputusan berkaitan pentadbiran wakaf. Sekiranya tiada, maka rujukan kepada nas dan pentarjihan kefahaman ke atas dalil hendaklah sesuai dengan *maslahat* dan *maqasid syar'iyah* semasa. Dalam hal ini, rujukan sedia ada ke atas *qawl muktamad* dalam Mazhab Syafi'i hendaklah juga dibina atas dasar *maslahat* dan *maqasid syar'iyah* supaya tumpuan yang sama dicapai oleh setiap Jawatankuasa Fatwa Negeri yang bersidang.

### Tajaan

Artikel ini diterbitkan di bawah pembiayaan gran FRGS 1/2014, 203/PHUMANITI/0711392 yang bertajuk Penetapan Kaedah dalam Rujukan Hukum Syarak yang Seragam di Malaysia: Kajian ke atas Aspek Pindah Milik Harta

### RUJUKAN

1. Abu Zahrah (1971), *Muhadarat fi al-Waqf*, Kaherah: Dar al-Fikr al-'Arabi
2. Afiffudin Mohammed Noor, Mohd Ridzuan Awang (2013), Pelaksanaan Istibdal Wakaf di Negeri Kedah Darul Aman The Implementation of Istibdal Endowment in the State of Kedah Darul Aman, *Jurnal Islamiyyat* 35(1) 2013: 53-55
3. Al-'Asqalani, Ibnu Hajar (1379H), *Fath al-Bari*, Beirut: Dar al-Ma'rifah
4. Al-'Abdari, Muhammad Bin Yusof Bin Abi al-Qasim (1398H), *al-Taj al-Iklil Li Mukhtasar Khalil*, Beirut: Dar al-Fikr
5. Al-'Aid, Ibnu Daqiq ( t.t.), *Syarah Umdah al-Ahkam*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah
6. Al-Afandi, Abu al-Saud Muhammad Ibn Muhammad Ibn Mustofa (1997), *Risalah Fi Jawaz Waqf An-Nuqud*, Beirut, Dar Ibn Hazam
7. Al-Ansari, Zakariyya (1418H), *Fath al-Wahhab Bi Syarh Manhaj al-Tullab*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah
8. Al-Azhari, Saleh Bin 'Abd al-Sami' al-Abi (1335H), *al-Thamar al-Dani Fi Taqrib al-Ma'ani*, Beirut: al-Maktabah al-Thaqafiyyah
9. Al-Bahuti, Mansur Bin Yunus Bin Idris (1302H), *Kasysyaf al-Qona'*, Beirut: Dar al-Fikr

10. Al-Bahuti, Mansur Bin Yunus Bin Idris (1996), *Syarh Muntaha al-Iradat*, Beirut: 'Alam al-Kutub
11. Al-Bukhari, Muhammad Bin Isma'il Abu 'Abd Allah (1422H), *Sahih al-Bukhari*, Jiddah: Dar Tauq al-Najah, Tahqiq: Muhammad Zahir Bin Nasir Al-Nasir
12. Al-Dimyati, Abu Bakr Ibnu al-Sayyid Muhammad Syata (t.t.), *Hasyiyah I'annah al-Talibin*, Beirut: Dar al-Fikr
13. Al-Din, Ibnu al-Humam Kamal (1380H), *Fath al-Qadir*, Beirut: Dar al-Fikr
14. Al-Dusuqi, Muhammad Bin Ahmad Bin 'Urfah (t.t.), *Hasyiyah al-Dusuqi 'Ala al-Syarh al-Kabir*, Beirut: Dar al-Fikr
15. Al-Hanafi, Ibnu Najim (t.t.), *al-Bahru al-Raiq*, Beirut: Dar al-Ma'rifah
16. Al-Hanbali, 'Abd al-Rahman Bin Muhammad Bin Qasim al-'Asimi (1397H), *Hasyiyah al-Raud al-Murabba' Syarh Zad al-Mustaqni'*, Huquq al-Toba' al-Mahfuzoh
17. Al-Hijawi, Syaraf al-Din Musa Bin Ahmad Bin Musa Abu al-Naja (t.t.), *al-Iqna'*, Beirut: Dar al-Ma'rifah
18. Ali Hasbullah, (1997), *Usul al-Tasyri' al-Islami*, Dar al-Fikr al-'Arabi
19. Al-Jamal, Sulaiman (1386H), *Hasyiyah Ibnu 'Abidin*, al-Qaherah: Mustafa al-Halabi
20. Al-Jamal, Sulaiman (t.t.), *Hasyiyah al-Jumal*, Beirut: Dar al-Fikr
21. Al-Jaziri, Abdurrahman (2003), *al-Fiqh 'ala al-Madzahib al-Arba'ah*, Beirut: Dar al-Kutub al-Alawiyah
22. Al-Kasani, 'Ala' al-Din Abu Bakr Bin Mas'ud Bin Ahmad (1982), *Badae' al-Sonae' Fi Tartib al-Syara'i'*, Beirut: Dar al-Kitab al-'Arabi
23. Al-Kasnawi, Abu Bakar Ibnu Hassan (t.t.), *Asl al-Madarik Syarh Irsyad al-Salik fi Fiqh Imam al-A'immah Malik*, Isa al-Bab al-Halabi
24. Al-Khassaf, Abu Bakr Ahmad bin 'Amru (t.t.), *Ahkam al-Waqf*, al-Qaherah: Maktabah al-Thaqafah al-Diniyyah
25. Al-Khursyi, Muhammad bin 'Abd Allah (t.t.), *Syarh al-Khursyi*, Beirut: Dar al-Fikr
26. Al-Madani, Malik bin Anas (1994), *al-Mudawwanah*, Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah
27. Al-Maghribi, Muhammad bin Muhammad (1423H), *Mawahib al-Jalil*, Beirut: Dar 'Alam al-Kutub
28. Al-Maqdisi, 'Abd Allah Bin Ahmad Bin Qudamah (t.t.), *al-Mughni*, Beirut: Dar al-Fikr
29. Al-Mardawi, 'Ala' al-Din Abu al-Hasan 'Ali Bin Sulaiman (1419H), *al-Insaf Fi Ma'rifah al-Rajih Min al-Khilaf*, Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi
30. Al-Muhammadi, 'Ali Muhammad bin Yusof, *al-Waqfu Fiqhuhu wa Anwa'uhu* (Jami'ah Ummu al-Qura: Mukhtar al-Auqaf al-Awwal fi Mamlakah al-'Arabiyyah al-Su'udiyah, 1424H)
31. Al-Naisaburi, Abu al-Husin Muslim bin al-Hajjaj al-Qusyairi, (2006), *Sahih Muslim*, al-Riyad: Dar al-Taibah



32. Al-Nawawi, Abu Zakariyya Muhyi al-Din bin Syaraf (1392H), *al-Minhaj Syarh Sahih Muslim*, Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi
33. Al-Nawawi, Abu Zakariyya Yahya Bin Syaraf (t.t.), *al-Majmu' Syarh al-Muhazzab*, Misr: Matba'ah al-Muniriyyah
34. Al-Nawawi, Abu Zakariyya Yahya Bin Syaraf (t.t.), *Raudhah al-Talibin*, Beirut: al-Maktab al-Islami
35. Al-Nawawi, Yahya bin Syaraf (1423H), *al-Raudah al-Talibin*, Beirut: Dar 'Alam al-Kutub
36. Al-Qaradhawi, Yusof (1988), *al-Fatwa Bayna al-Indibaat wa al-Tasayyub*, Kaherah: Dar al-Sahwah
37. Al-Qaradhawi, Yusof (1996), *Fiqh al-Awlawiyyat*, al-Qaherah: Maktabah Wahbah
38. Al-Qaradhawi, Yusuf (1995), *Fatwa-fatwa Kontemporer*, Jakarta: Gema Insani Press
39. Al-Qurafi, Syihab al-Din Ahmad Bin Idris (1994), *al-Zakhirah*, Beirut: Dar al-Gharb al-Islami
40. Al-Ramli, Syams al-Din Muhammad Bin Abi al-'Abbas (1984), *Nihayah al-Muhtaj Ila Syarh al-Minhaj*, Beirut: Dar al-Fikr
41. Al-Sarakhsi, (1997), *Syarh al-Siyar al-Kabir*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah
42. Al-Sarakhsi, Syams al-Din Abu Bakr Muhammad Bin Abu Sahl (2000), *al-Mabsuth*, Beirut: Dar al-Firk
43. Al-Soleh, Muhammad (2001), *al-Waqf fi al-Syariah wa Atharuhu fi Tanmiyyah al-Mujtama'*, al-Riyadh: Huquq al-Toba' al-Mahfuzoh
44. Al-Suyuti, (1403H), *al-Asybah wa al-Nazo'ir*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah
45. Al-Syirazi, Abu Ishaq Ibrahim bin 'Ali (1396H), *al-Muhazzab*, al-Qaherah: Mustafa al-Halabi
46. Al-Syirbini, Muhammad Khatib (1997), *Mughni al-Muhtaj*, Beirut: Dar al-Ma'rifah
47. Al-Wakili, Muhammad (1997), *Fiqh al-Aulawiyat: Dirosah fi al-Dhawabith*, Ma'had li al-Fikr al-Islami
48. Al-Zarqa', Mustafa (1366H), *Ahkam al-Auqaf*, Dimasyq: Matba'ah al-Jami'ah al-Suriyyah
49. Al-Zuhayli, Wahbah (1997), *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*, Beirut: Dar al-Fikr
50. Gerhard Böwering, Patricia Cron, Mahan Mirza, et.all., (2013), *The Princeton Encyclopedia of Islamic Political Thought*, Princetown, N.J.: Princetown University Press
51. Ibn Nujaim, Zainuddin Ibn Ibrahim Ibn Muhammad (1999), *al-Asybah Wa an-Nazair*, Beirut, Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah
52. Ibn Taimiyyah, Taqiyyuddin Abu Al-Abbas Ahmad Ibn Abdul Halim (1987), *Majmu' Al-Fatawa*, Beirut, Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah
53. Ibnu 'Abidin, (2000), *Hasyiyah Raddu al-Mukhtar 'ala al-Durr al-Mukhtar*, Beirut: Dar al-Fikr
54. Ibrahim Bin Muhammad Bin 'Abd Allah Bin Muhammad Ibnu Muflih (2003), *al-Mubdi' Syarh al-Muqni'*, al-Riyadh: Dar 'Alam al-Kutub

55. *Istibdal Mumtalakat al-Auqaf, Hukmuhu Wa Dawabituhu Wa Ijra'atuhu*, Majallah Jami'ah Dimasyq li al-'Ulum al-Iqtisodiyah wa al-Qanuniyyah, jil. 30, bil. 2, 2014, h. 348
56. Jasni Sulong, "Pemikiran Epistemologi Ilmu 'Abd Allah Ibn al-Muqaffa' dalam Penyeragaman Undang-Undang: Pengaruhnya Di Malaysia," *Afkar Edisi Khas* (2014): 97-130
57. John L. Esposito (1988), *Islam: The Straight Path*. New York/Oxford: Oxford University Press
58. Mahjudin (1990), *Masailul Fiqhiyah, Berbagai Kasus yang Dihadapi Islam Masa Kini*, Jakarta: Kalam Mulia
59. Minit Pertama, Mesyuarat Panel Kajian/Perundingan Penerapan Nilai-Nilai Islam Dalam Kanun Tanah Negara, Awana Golf & Country Club, Genting Highland, 16 & 17 September 1989, h. 31.
60. Mohd Afendi Mat Rani (2010), *Mekanisme Istibdal dalam Pembangunan Tanah Wakaf: Kajian Terhadap Isu Pengambilan Tanah Wakaf oleh Pihak Berkuasa Negeri di Malaysia*, Jurnal Pengurusan Jawhar, 4(1)
61. Muhammad 'Alisy (1989), *Manhu al-Jalil*, Beirut: Dar al-Fikr
62. Muhammad Amin 'Abidin (1386H), *Hasyiyah Ibnu Abidin*, al-Qahirah: Mustafa al-Halabi
63. Muhammad Amin Bin 'Amr Ibnu 'Abidin (2000), *Rad al-Mukhtar*, Beirut: Dar al-Fikr
64. Muhammad bin Ibrahim (2009), *al-Ijtihad wa al-'Urf*, al-Qaherah: Dar al-Salam
65. Nizom (1400H), *al-Fatawa al-Hindiyyah*, Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi
66. Said Sabiq (2008), *Fiqh Sunnah*, al-Qaherah: Dar al-Fatah
67. Salim Hani Mansur (t.t.), *al-Waqf wa-Dawrahu fi al-Mujtama' al-Islami al-Mu'asir*, t.t.p: Muassasah al-Risalah Nasyirun.
68. Siti Mashitoh Mahamood (2004), "Pelupusan Tanah Di Bawah Pegangan Pajakan (Leasehold) Dalam Kanun Tanah Negara 1965: Implikasi terhadap Status Tanah-Tanah Yang Diwakafkan", Jurnal Penyelidikan Islam, bil 17 2004M/1425H, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
69. Siti Mashitoh Mahamood (2006), *Waqf in Malaysia: Legal and Administrative Perspectives*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya
70. Siti Zalikhah, (2015), *Mahkamah Syariah dan Undang-undang Islam di Malaysia*, Kuala Lumpur: Penerbit Open Universiti Malaysia, h. 55
71. Wan Abd. Rahman Khudzri Bin Wan Abdullah (2006), "Analisis Penggunaan Kaedah Istinbat Dalam Penetapan Fatwa Di Malaysia: Kajian Di Jabatan-Jabatan Mufti Terpilih", (Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Bahagian Pengajian Islam, Fakulti Ilmu Kemanusiaan, USM.)

**Penafian**

*Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.*